

19/07/2004

Pak Lah terus dapat mandat akar umbi

By Kadir Dikoh

SEMINGGU selepas mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Dr Mahathir Mohamad 31 Oktober lalu, semua pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) sebulat suara melantik Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Pengerusinya yang baru.

Lima bulan kemudian, Perdana Menteri kelima itu mengadakan Pilihan Raya Umum ke-11 dan BN yang diketuainya diberi mandat paling besar dalam sejarah politik negara serta berjaya merampas semula Terengganu daripada Pas dan hampir menguasai Kelantan.

Kini Abdullah atau lebih mesra dengan panggilan Pak Lah, diberi mandat baru oleh ahli Umno akar umbi apabila memenangi jawatan Presiden parti tanpa bertanding setelah kira-kira 90 peratus daripada 191 bahagian selesai bermesyuarat sehingga semalam.

Ini bermakna, Pak Lah akan disahkan sebagai Presiden Umno yang ke-enam pada perhimpunan agung yang ke-57 September ini selepas Datuk Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan Tun Dr Mahathir.

Tiga mandat itu melengkapkan pusingan awal seseorang Perdana Menteri dan Presiden Umno untuk terus berbakti kepada bangsa, agama dan tanah air. Apakah Pak Lah sudah menemui Damai Abadi seperti sajaknya Ku Cari Damai Abadi?

Gandingan bersama timbalan yang menjadi pilihannya, Datuk Seri Najib Razak yang turut memenangi jawatan Timbalan Presiden Umno tanpa dicabar, adalah gandingan mantap yang jelas diterima baik oleh ahli parti.

Malah, tawaran Ketua Umno Bahagian Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah untuk mencabar Pak Lah bagi jawatan Presiden parti itu, tidak diterima oleh ahli parti akar umbi.

Ini jelas menunjukkan kematangan ahli Umno yang tidak mahu melihat 'pisang berbuah dua kali' kerana sebarang pertandingan membabitkan jawatan tertinggi dalam parti, akan mencetuskan perpecahan.

Atas apa alasan sekali pun termasuk kononnya demokrasi memberi hak kepada sesiapa saja untuk bertanding, hakikatnya demokrasi yang tidak dikawal boleh mendatangkan musibah.

Atas nama demokrasi jugalah Umno pernah diharamkan pada Februari 1988 setelah berlaku pertandingan sengit untuk jawatan Presiden Umno pada 1987 apabila Dr Mahathir dicabar oleh Tengku Razaleigh.

Apakah benar pula sistem kuota pencalonan tidak demokratik? Katakan Umno berbalik kepada kaedah lama iaitu memerlukan seorang pencadang dan penyokong sudah melayakkan diri untuk bertanding, apakah jaminannya bahawa Umno tidak akan berpecah.

Perlukah Umno bertukar Presiden setiap tiga tahun? Perlukah negara kita bertukar Perdana Menteri setiap tiga tahun?

Berdasarkan sokongan padu ahli Umno kepada Pak Lah dan Najib, juga jelas membayangkan bahawa Melayu tidak mudah lupa sejarah hitam 1987 itu.

Selepas diberi mandat besar memimpin BN pada Pilihan Raya Umum 21 Mac lalu - dengan memenangi lebih 90 peratus kerusi di Parlimen iaitu 198 manakala 21 kerusi lagi dimenangi pembangkang dan calon Bebas, Pak Lah terus bekerja untuk rakyat.

Pak Lah kini bebas untuk menggunakan sepenuhnya kuasa bagi mengabadikan diri kepada parti, kerajaan dan rakyat yang dipimpinnnya untuk melaksanakan segala program pembangunan seperti dikehendaki.

Rakyat segenap lapisan memerhati dengan penuh minat pendekatan barunya -

`Bekerja bersama saya, bukan untuk saya', memerangi rasuah habis-habisan, mengurangkan kerenah biro, memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan awam, membasmi kemiskinan serta mengutamakan projek berbentuk sosioekonomi yang memberi faedah kepada langsung kepada rakyat terutama di luar bandar.

Sebagai bakal Presiden Umno yang baru, ahli Umno selepas September ini pula akan memantau apakah tindakan lanjut Pak Lah untuk memartabatkan parti yang menjadi tunjang BN itu.

Ahli Umno akan memerhati prestasi Pak Lah dan Najib sebagai peneraju Umno bagi tempoh tiga tahun akan datang. Tempoh tiga tahun itu pula akan menguji keberkesanan kepemimpinannya dalam parti dan kepada rakyat keseluruhannya pula, Pak Lah akan terus diuji bagi tempoh lima tahun akan datang.

(END)